

NO. SOALAN : 76

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD.
RAHMAN
[TANJONG MANIS]**

Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah syarikat yang telah dikenakan tindakan ekoran daripada jenama, label atau kandungan yang mengelirukan pengguna seperti penggunaan perkataan teknologi "nano" bagi menarik minat pembeli.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah mengambil tindakan kes ke atas 72 syarikat yang didapati menggunakan perihal dagangan palsu, pernyataan iklan yang palsu, penunjukkan harga atau representasi palsu ataupun yang mengelirukan pengguna sepanjang tempoh enam bulan pertama tahun 2017. Tindakan ini dikuatkuasakan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini tiada menerima sebarang aduan berhubung penggunaan teknologi "nano" yang palsu atau mengelirukan.